

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [ AMPANG ]**

**TARIKH : 17.3.2015**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan segera operasi sekolah pasca banjir yang terlibat baru-baru ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memastikan pengoperasian sekolah yang terjejas banjir di seluruh Malaysia dapat diteruskan tanpa menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Perancangan segera pengoperasian sekolah yang terjejas adalah dalam aspek kerja-kerja pembaikan dan pembekalan perabot bagi memastikan sesi persekolahan dapat berlangsung pada awal tahun 2015.

Bagi tindakan pasca banjir, KPM telah mengumpul data kerosakan fizikal sekolah yang perlu dibaiki dan penggantian perabot/peralatan yang rosak. Berdasarkan maklumat tersebut KPM menyediakan peruntukan bagi kerja-kerja pembaikan dan perolehan perabot/peralatan

yang dibuat oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah yang terlibat.

Untuk keperluan segera penggantian peralatan ICT dan peralatan di makmal komputer yang rosak sekolah-sekolah yang terjejas akibat banjir, KPM menyediakan Komputer Netbook 1Malaysia bagi kegunaan pelajar. Dalam masa yang sama penggantian komputer dan kerja-kerja membaiki makmal komputer giat dijalankan.

Tumpuan turut diberi kepada penggantian kerusi dan meja murid akibat banjir di samping membaiki bilik darjah, tandas, asrama dan lain-lain kerja penyelenggaraan akibat banjir yang boleh mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri meluluskan sebanyak RM294 juta bagi keseluruhan projek pemulihan pasca banjir. Agihan peruntukan ini dilaksanakan secara penurunan RM80 juta pada tahun 2015; dan baki RM214 juta akan diturunkan pada tahun 2016. Kelulusan Arahan Perbendaharaan (AP) 173.2 daripada Kementerian Kewangan membolehkan pihak JPN membuat perolehan tender dengan kadar segera di samping dapat mempercepatkan proses membaiki dan pelaksanaan di sekolah yang terlibat.

Selain itu juga, KPM juga menyelaraskan bantuan yang dihulurkan oleh pihak Agensi Kerajaan, Swasta dan NGO, sukarelawan dan individu yang telah menunjukkan keprihatinan mereka dalam memberi sumbangan dalam bentuk wang ringgit, peralatan dan tenaga dalam membantu sekolah-sekolah yang terlibat dengan banjir di negeri-negeri yang terjejas. KPM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap

21

segala sokongan dan bantuan yang telah diberikan dalam usaha memastikan pendidikan anak bangsa tidak terjejas akibat musibah banjir yang melanda.

RJM31

**SOALAN ( 40 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17 MAC 2015 (SELASA)**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG  
[SEGAMBUT]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan alasan-alasan Kerajaan tidak membenarkan pilihan raya kerajaan tempatan dan pandangan Kerajaan berhubung kajian *Akumulatif Dioxin Insinerator Tokyo* yang dijalankan oleh *Enviroment Research Institute* yang boleh didapati daripada <http://goo.gl/P9RZO> dan <http://goo.gl/i64of8>

9)

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya pilihan raya kerajaan tempatan diadakan maka tumpuan Datuk Bandar/ Yang di-Pertua (YDP) serta Ahli Majlis akan lebih menjurus kepada hal-hal yang berkaitan dengan urusan pilihan raya. Urusan ini bukan sahaja melibatkan masa dan kos malah tenaga kerja di samping kemungkinan wujudnya unsur-unsur kurang sihat oleh pihak-pihak tertentu yang berteraskan kepentingan masing-masing. Kepimpinan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sentiasa berubah-ubah juga akan menjejaskan kelancaran pelaksanaan dasar dan program penambahbaikan yang telah digubal di peringkat pusat yang akhirnya memberi kesan negatif kepada rakyat. Di samping itu juga, tempoh perkhidmatan yang singkat akan menyebabkan Ahli Majlis yang dipilih lebih menumpukan perhatian kepada usaha untuk mengekalkan kedudukan masing-masing dan seterusnya mengabaikan tugas dan tanggungjawab yang sepatutnya mereka laksanakan.

### **Kepentingan Penduduk Yang Diwakili**

Dengan mengambil kira komposisi kaum yang tidak seimbang antara bandar dan luar bandar adalah dikhuatiri pilihan raya kerajaan tempatan akan menyebabkan pengurusan PBT mempunyai Ahli Majlis yang dipilih melalui pilhan raya hanya mewakili kepentingan sesuatu kaum sahaja. Sebagai contohnya, bandar-bandar seperti George Town, Petaling Jaya, Subang Jaya, Kuching dan Ipoh mempunyai majoriti kaum Cina manakala bandar-bandar seperti Alor Star, Kuala Terengganu dan Kota Bahru mempunyai majoriti kaum Melayu. Keadaan ini akan menyebabkan pengurusan PBT bandar-bandar tersebut akan diterajui oleh kaum-kaum tertentu sahaja. Bagi kawasan luar bandar pula, majoriti penduduknya adalah kaum Melayu. Keadaan ini jika dibiarkan wujud akan melebarkan lagi jurang perbezaan perpaduan antara kaum yang sudah pasti akan memberi impak besar kepada keharmonian antara kaum dan kestabilan negara.

### **Kos Pilihan Raya**

Jika pilihan raya kerajaan tempatan hendak dijalankan semula maka Kerajaan perlu mengadakan 3 pilihan raya, iaitu Parlimen, DUN dan juga

Kerajaan Tempatan. Pilihanraya Parlimen dan DUN yang telah diadakan pada 8 Mac 2008 melibatkan perbelanjaan sebanyak RM142,317,172. Oleh itu, kos yang perlu disediakan bagi mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan akan meningkatkan lagi kos pengurusan pilihan raya sedangkan peruntukan tersebut boleh digunakan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan untuk faedah rakyat. Selain itu, kos-kos tidak langsung bagi mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan akan membebankan PBT yang kecil, khususnya yang mengalami defisit perbelanjaan.

### **Penyertaan Penduduk**

Meskipun pilihan raya kerajaan tempatan diamalkan di beberapa negara luar, namun dari segi bilangan pengundi ataupun *turn out* yang datang mengundi adalah sedikit. Dengan mengambil kira *turn out* yang rendah tersebut, keputusan pilihan raya kerajaan tempatan berkenaan tidak menggambarkan kehendak sebenar penduduk setempat. Keadaan yang sama boleh berlaku di negara ini dan oleh itu pilihan raya kerajaan tempatan yang dicadangkan atas alasan untuk memberi peluang kepada penduduk setempat untuk memilih wakil mereka dalam PBT tidak akan tercapai. Tambahan pula dengan kos yang tinggi dibandingkan dengan *turn*

*out* yang rendah, maka pilihan raya kerajaan tempatan dilihat sebagai tidak sesuai ataupun tidak *viable* untuk diadakan.

Selain itu, terdapat juga negara seperti Australia melantik *Chief Executive Officer* (CEO) di kalangan kakitangan PBT yang tugasnya adalah memberikan khidmat nasihat, mengurus sumber manusia dan hasil serta memastikan polisi PBT dilaksanakan dengan betul. Sekiranya pilihan raya kerajaan tempatan dan pelantikan CEO diadakan di negara ini, maka peranan Datuk Bandar / YDP dan Ahli Majlis yang dipilih melalui pilihan raya perlu ditentukan.

### **Kewujudan Sistem Kerajaan Tempatan Yang Berbeza**

Oleh kerana PBT di negeri Sabah dan Sarawak tidak tertakluk kepada Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1960, maka undang-undang bagi membolehkan pilihan raya kerajaan tempatan di kedua-dua negeri berkenaan juga perlu diwujudkan. Sebaliknya jika kedua-dua negeri berkenaan tidak bersetuju untuk mengadakan pilihan raya tersebut, maka akan wujud dua sistem kerajaan tempatan yang berbeza di negara ini. Keadaan ini sudah pasti akan mewujudkan jurang perbezaan yang ketara antara PBT di Semenanjung Malaysia dan Sabah serta Sarawak dari segi



pelaksanaan dasar, program dan projek yang berkaitan dengan PBT. Ini sekaligus akan menjejaskan usaha Kerajaan untuk mewujudkan pembangunan yang seimbang antara wilayah bagi memastikan tiada penduduk yang ketinggalan dalam arus pembangunan negara.

Berhubung dengan kajian Dioxin Terkumpul Insinerator Tokyo yang dijalankan oleh Environment Research Institute yang boleh didapati daripada 2 laman web seperti yang dinyatakan. Kajian Dioxin Terkumpul Insinerator Tokyo yang dimaksudkan adalah mengenai peningkatan kadar dioxin di persekitaran bandaraya Tokyo yang mana persampelan dibuat pada pokok-pokok pine. Rumusan daripada kajian tersebut menyatakan bahawa peningkatan dioxin ini adalah disebabkan oleh loji-loji insinerator yang terdapat di bandaraya Tokyo. Walau bagaimanapun, Kementerian ini berpandangan bahawa kajian ini tidak boleh membuat kesimpulan tersebut berdasarkan persampelan pada pokok-pokok pine atau lain-lain persekitaran (*ambient surrounding*). Sepatutnya persampelan dari punca pelepasan insinerator (*point source*) juga dibuat untuk membuktikan bahawa pelepasan dioxin dari insinerator merupakan punca peningkatan dioxin di persekitaran bandaraya Tokyo.

Penjanaan *dioxin* bukan hanya disebabkan oleh pembakaran insinerator sahaja tetapi ia boleh berpunca daripada asap kenderaan, pembakaran hutan dan lain-lain jenis pembakaran. *Dioxin* terhasil daripada proses pembakaran bahan-bahan yang mengandungi *organic carbon*, oksigen dan klorin. Sehubungan dengan itu, Kementerian berpandangan kajian yang dijalankan tidak membuktikan insinerator adalah punca peningkatan paras *dioxin* di bandaraya Tokyo. Kajian tersebut juga adalah merupakan kajian daripada satu pihak. Adalah perlu dirujuk kepada kajian-kajian lain daripada pihak-pihak yang lebih pakar (*credible*) yang mungkin lebih relevan dalam perkara ini.

97

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]**

**TARIKH : 17 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN : 41**

**Tuan Liew Chin Tong [ Kluang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara terperinci jumlah nilai aset yang dipegang oleh Perbadanan Aset Keretapi (PAK) mengikut pecahan jenis-jenis aset dan juga bilangan penjawat awam tahap profesional di bawah PAK yang bertanggungjawab terhadap pengurusan aset tersebut.

## JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Sehingga 31 Disember 2013, nilai aset Perbadanan Aset Keretapi (PAK) berjumlah sebanyak RM17.15 bilion. Pecahan aset PAK mengikut jenis aset adalah seperti di Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1: Aset PAK mengikut kategori**

<b>BIL.</b>	<b>KATEGORI</b>	<b>NILAI SEHINGGA 31 DISEMBER 2013 (RM)</b>
1	Tanah	8,401,886,000
2	Landasan dan Yard	5,334,180,000
3	Kenderaan Keretapi	2,196,091,000
4	Grading	326,110,000
5	Jambatan	301,004,000
6	Bangunan	256,436,000
7	Pembentung	103,256,000
8	Loji dan Peralatan	97,285,000
9	Peralatan Telekomunikasi	48,877,000
10	Sistem Elektrifikasi	43,040,000
11	Terowong	40,217,000
12	Ubah Suai Pejabat	1,534,000
13	Motor Kenderaan	364,000
14	Peralatan Pejabat	285,000
15	Peralatan Elektronik	33,000
<b>JUMLAH</b>		<b>RM 17,150,598,000</b>

PAK pada masa sekarang memiliki kekuatan tenaga kerja seramai 38 orang. Jumlah pegawai peringkat Pengurusan dan Profesional di PAK yang bertanggungjawab dalam pengurusan aset dan pentadbiran adalah seramai lima belas (15) orang pegawai seperti di Jadual 2 di bawah:

**Jadual 2 : Bilangan pegawai peringkat Pengurusan dan Profesional PAK**

BIL.	NAMA JAWATAN	GRED	Bilangan Pegawai
1	Pengurus Besar	JUSA C	1
2	Pengurus Kanan Hartanah	52 (Terbuka)	1
3	Pengurus Pentadbiran & Kewangan	48 (Terbuka)	1
4	Jurutera Kanan	J44(Terbuka)	1
5	Pengurus Hartanah	44(Terbuka)	1
6	Akauntan	W41	2
7	Jurutera Teknikal /Pembangunan	J41	2
8	Pegawai Undang-Undang	L41	1
9	Pegawai Penerangan	S41	1
10	Pegawai Teknologi Maklumat	F41	1
11	Pegawai Penilaian	W41	1
12	Pegawai Tadbir	N41	1
13	Pegawai Penguatkuasa	N41	1
<b>JUMLAH</b>			<b>15</b>

Selain itu, PAK turut memiliki seramai 23 orang kakitangan sokongan untuk membantu dalam pengurusan aset di bawah tanggungjawab PAK.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB TUAN TEO KOK SEONG**  
**[RASAH]**  
**TARIKH** : **17 MAC 2015 [SELASA]**  
**SOALAN** : **42**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan secara terperinci mengenai perkembangan terkini cadangan Projek Angkasawan Negara Ke-2 serta jumlah kakitangan atau pegawai yang bertugas di Agensi Angkasa Negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada dasarnya Kerajaan telah bersetuju untuk meneruskan Program Angkasawan Negara (*Manned Spaceflight*) dengan memfokus kepada penyelidikan aplikasi dan perkembangan ilmu dan pendidikan. Penghantaran angkasawan bergantung kepada kedudukan ekonomi dan keutamaan program. Penerusan program angkasawan ini adalah penting untuk memastikan pembangunan keupayaan negara dalam sektor angkasa dan juga bidang-bidang berkaitan seperti sains mikro-graviti, teknologi sistem sokongan hayat (*life support system*) dan kerjasama antarabangsa dapat diteruskan.

Program Angkasawan merupakan suatu projek berimpak tinggi melibatkan pelbagai aspek yang memerlukan perincian teliti. Antaranya ialah misi program yang dapat memberikan pulangan lebih besar kepada negara dalam bidang penemuan saintifik, penjanaaan ilmu baharu dan penjanaaan ekonomi negara.

Program Angkasawan Ke-2 memerlukan tempoh pelaksanaan misi di *International Space Station (ISS)* yang lebih panjang (contohnya beberapa bulan) bagi menjalankan penyelidikan yang lebih komprehensif. Kerajaan berpandangan misi penyelidikan ini boleh dilaksanakan melalui kerjasama antarabangsa dengan agensi angkasa dari negara lain. Ia tidak semestinya melibatkan penghantaran angkasawan negara. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, kos penghantaran seorang angkasawan ke ISS adalah tinggi iaitu sekitar RM100 juta.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Cadangan program ini juga akan dilaksanakan dengan mengambil kira pandangan dari semua pihak berkepentingan (*stakeholders*) termasuk orang awam, saintis, badan bukan kerajaan dan juga pihak industri. Kesemua perincian ini seperti kandungan program, tarikh, tempoh dan kos misi sedang dalam penelitian kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bilangan perjawatan di Agensi Angkasa Negara berdasarkan Waran Perjawatan Tahun 2014 adalah sebanyak 140 jawatan dengan pecahan

119 jawatan telah diisi manakala baki 21 jawatan masih belum diisi. Manakala pecahan jawatan ini mengikut kumpulan ialah dua (2) jawatan dalam kumpulan Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA), 61 jawatan dalam kumpulan Pengurusan dan Professional dan 77 jawatan dalam Kumpulan Pelaksana.

Sekian, terima kasih.